

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN :      BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA        :      YB TUAN WONG CHEN (SUBANG)**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan prosedur operasi standard yang digunakan oleh Kerajaan dalam menangani pekerja migran tanpa dokumen.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan operasi penguatkuasaan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah berdasarkan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan. Ketua Operasi akan memperkenalkan diri serta mengemukakan kad kuasa kepada warganegara asing yang hendak diperiksa atau pemilik/penghuni premis sebelum pemeriksaan dijalankan. SOP yang ditetapkan adalah bagi membolehkan pegawai imigresen bertindak berlandaskan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa dan mengendalikan operasi secara lebih terancang, teratur, efisyen serta menghasilkan tangkapan yang berkualiti.

Pemeriksaan ke atas warganegara asing atas pelbagai kesalahan imigresen juga boleh dilakukan oleh pegawai imigresen berjantina yang sama. Antara kesalahan imigresen di bawah Akta Imigresen 1959/63 yang menjadi fokus semasa operasi penguatkuasaan adalah seperti berikut:

- (i) Seksyen 6(1)(c) iaitu kesalahan tidak memiliki sebarang pas yang sah untuk berada di Malaysia;
- (ii) Seksyen 15(1)(c) bagi kesalahan tinggal melebihi tempoh pas yang dibenarkan; dan
- (iii) Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 iaitu kesalahan melanggar syarat pas, permit atau pas sempadan.

Suspek warganegara asing yang ditangkap akan digari dan diiring kawal ke tempat tahanan sama ada ke Depot Tahanan Imigresen atau Lokap Balai Polis kecuali atas arahan ketua operasi. Mana-mana orang yang ditangkap dalam tempoh tidak melebihi dua puluh empat (24) jam bagi kesalahan di bawah Akta Pasport 1966 [Akta 150] dan Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] perlu dikemukakan ke hadapan seorang majistret di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593] selaras dengan peruntukan di Bahagian II Perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan.

Warganegara asing yang ditangkap bagi kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] atau Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 boleh ditahan bagi tempoh tidak melebihi empat belas (14) hari dari masa ditangkap. Penahanan yang memerlukan tempoh yang lebih lama perlu dikemukakan ke hadapan seorang majistret di bawah Sesyen 51(5)(b) Akta Imigresen 1959/63.